

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : OUTDOOR LEARNING

FUNGSI : AKTIVITI LUAR

TAJUK / TEMA : MARI MENGEMBARA

BI L	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	FK 2.2	Melakukan pelbagai pergerakan lokomotor
2	STANDARD PEMBELAJARAN	FK 2.2.2	Melakukan gabungan pergerakan lokomotor
3	STREAM	S	Memerhati persekitaran menggunakan deria penglihatan, pendengaran dan sentuhan.
		T	Kad gambar, jam randik, wisel, alat permainan luar
		R	Toleransi, Tolak ansur, Bekerjasama
		E	Mencantum keratan gambar
		A	Membuat pergerakan kreatif mengikut halangan
		M	Mengikut nombor giliran
4	OBJEKTIF PEMBELAJARAN		Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat melakukan gabungan pergerakan lokomotor dengan lakuan yang betul.
5	BBM	Alat tulis	
6	NILAI MURNI	Bertolak ansur, Bekerjasama, Hemah tinggi	
7	<u>STRATEGI PELAKSANAAN</u>		
	1. Kanak-kanak mengikut guru membuat pergerakan pemanasan badan dengan iringan muzik.		

2. Kanak-kanak diperkenalkan dengan kad gambar peralatan seperti stetoskop, picagari, termometer, alat tekanan darah dan peti pertolongan cemas.
3. Kanak-kanak dibahagikan kepada 5 kumpulan dan guru menunjukkan gambar yang berbeza yang perlu dicari mengikut kumpulan.
4. Kanak-kanak beratur mengikut kumpulan masing-masing dan kanak-kanak nombor 1 mewakili setiap kumpulan akan memulakan aktiviti mencari satu keratan gambar yang dikehendaki.
5. Kanak-kanak akan melalui beberapa halangan dengan melakukan beberapa pergerakan motor kasar (menggunakan alat permainan luar) seperti berlari, merangkak, menaiki tangga, menggelongsor, dan bergayut.
6. Kanak-kanak menyusun keratan gambar pada papan putih yang disediakan.
7. Kanak-kanak seterusnya (mengikut kumpulan) akan melakukan aktiviti dan pergerakan yang sama seperti kanak-kanak sebelumnya.
8. Guru akan menilai kumpulan pemenang berdasarkan masa dan susunan keratan gambar yang lengkap dan betul.
9. Kanak-kanak bermain sehingga keratan gambar lengkap dipasang.